

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقرأ

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my

BICARA KHAS **LIVE HD**
Sempena Festival Semarak KLRWC 2020 Peringkat Kebangsaan

MEMBACA MENINGKATKAN NILAI DIRI
22 APRIL KHAMIS 2021

m/s 9

Live@PTAR Bicara Khas Sempena Festival Semarak KLRWC 2020 Peringkat Kebangsaan: "Membaca Meningkatkan Nilai Diri"

BICARA PAKAR **LIVE HD**
Live@PTAR Sempena Festival Semarak KLRWC 2020 Peringkat Kebangsaan

PERANAN MAJLIS RAJA-RAJA DALAM PENTADBIRAN NEGARA
23 APRIL JUMAAT 2021

Live@PTAR Bicara Pakar: "Peranan Majlis Raja-Raja Dalam Pentadbiran"

m/s 10



m/s 17

Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit Ptar Kampus Permatang Pauh, Cawangan Pulau Pinang

MAJLIS KEMUNCAK PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT: MISI IQRA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Pelancaran Sistem Automasi Pusat Sumber - ReCes @ Program NILAM 2021 Sekolah Kebangsaan Air Merah, Kulim Kedah

Profesor Ts. Dr. Salmiah Kasolang

Majlis Kemuncak Program Khidmat Masyarakat: Misi IQRA PTAR UITM Cawangan Pulau Pinang

m/s 14



World #QuranHour 2021/1442H Peringkat UITM Cawangan Perak

m/s 20



Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah mengadakan Kunjungan Hormat ke Pejabat Penolong Rektor pada 22 April 2021 (Khamis). Pihak PTAR telah diwakili oleh Ketua Bahagian, Puan Nur Aida Rousli dan Pustakawan, Cik Nur Dayana Mohd Narwawi. Kunjungan Hormat ini diadakan bagi berkongsi dan menyampaikan maklumat mengenai agenda dan perancangan PTAR Kampus Tapah pada tahun 2021 di samping mendapatkan maklumbalas daripada pihak Penolong Rektor sendiri mengenai perkara yang dibincangkan.

Antara perkara yang disampaikan ialah mengenai Program Library Outreach bersama Fakulti, Kelas Kemahiran Maklumat, Live@PTAR, Penyerahan Bahan Harta Intelekt, Validasi Bahan Penerbitan PRISMa dan Local Content. Di samping itu, diberikan penekanan juga mengenai penggunaan Online Database dan ebook dalam kalangan pelajar dan pensyarah, Book Delivery Service dan My Knowledge Management Portal. Perkara-perkara yang dibincangkan bertujuan bagi memberikan hebahan mengenai setiap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh PTAR kepada warga Universiti terutamanya dalam kalangan pelajar dan pensyarah di samping program-program yang akan dilaksanakan dari masa ke semasa oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak.

Di akhir pertemuan, Profesor Madya Dr Ahmad Saiful Azlin Puteh Salin memberikan sepenuh sokongan dan dorongan kepada pihak PTAR dalam mempromosikan setiap perkhidmatan dan program-program yang telah direncanakan. Semoga Kunjungan Hormat ini dapat mengukuhkan lagi hubungan di antara pihak PTAR Kampus Tapah dan Penolong Rektor UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah seterusnya setiap perkara yang telah dibincangkan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan sebaiknya pada masa hadapan demi manfaat dan kebaikan seluruh warga Universiti.

